

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA UPACARA PERASMIAN BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD**  
**DI BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD**  
**29 OGOS 2000**

-----

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Bank Muamalat Malaysia Bhd

YB Menteri Menteri

Tuan-Tuan Yang Terutama

Tan Sri Tan Sri dan Dato' Dato'

Tuan-tuan dan Puan-puan

Pertama sekali saya bersyukur kepada Allah s.w.t kerana dengan izinnya kita dapat hadir bersama di majlis yang bersejarah ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada pengerusi dan seluruh warga Bank Muamalat Malaysia Berhad kerana sudi menjemput saya untuk memberi ucapan dan seterusnya merasmikan Bank Muamalat Malaysia Berhad pada petang ini.

2. Kebangkitan semula Islam yang berlaku di kebanyakan bahagian dunia pada awal kurun Masihi 20 menyaksikan kemunculan sistem kewangan Islam. Walaupun Islam melarang riba dalam pelbagai bentuk semenjak awal kemunculannya, tidak ada langkah bersepadu oleh negara-negara Islam atau institusi swasta untuk menubuhkan bank berlandaskan kepada ajaran Islam.

3. Penubuhan MIT GHAMR Local Savings Bank di Mesir pada tahun 1963 menandakan permulaan sistem perbankan Islam moden. Penubuhan Bank Pembangunan Islam di Jeddah pada tahun 1975 membuka jalan kepada kemunculan perbankan Islam di kebanyakan negara-negara Islam. Hari ini terdapat lebih dari 177 institusi kewangan Islam di seluruh dunia dengan mengurus aset melebihi RM 350 billion dengan menyediakan semua jenis perkhidmatan termasuk perkhidmatan bank komersil, bank saudagar, aktiviti pengurusan dana, pelaburan dan insuran.

4. Di Malaysia, percubaan pertama menubuhkan kemudahan berbentuk tanpa faedah dimulakan pada pertengahan 1940. Matlamatnya ialah untuk melabur wang simpanan bakal jemaah haji di dalam sektor hartanah dan perladangan mengikut lunas-lunas syariah tetapi ianya ia tidak berhasil dilaksanakan. Beberapa percubaan juga telah dibuat bagi memulakan Institusi Tanpa Faedah tetapi ia juga tidak berhasil. Dalam tahun 1983, Dewan Rakyat telah meluluskan dua undang-undang iaitu Akta Bank Islam dan juga akta pelaburan kerajaan bagi membuka rangka kerja perundangan untuk penubuhan operasi bank-bank Islam dan pelaburan Islam. Dalam tahun 1984 Dewan Rakyat telah meluluskan Akta Takaful yang menggariskan rangka kerja perundangan bagi operasi perniagaan insuran secara Islam. Pada tahun 1990, Dewan Rakyat meluluskan beberapa undang-undang bagi membolehkan Labuan berdiri sebagai Pusat Kewangan Antarabangsa Luar Pesisir atau `IOFC' di rantau ini. IOFC sedang memperkembangkan aktivitinya termasuk Pembangunan Perkhidmatan Kewangan Islam Luar Pesisir.

5. Hari ini kerajaan telah mempunyai rangka kerja perundangan yang komprehensif bagi menentukan perkembangan yang teratur dalam perbankan Islam, pasaran saham Islam, perniagaan insuran Islam dan pasaran kewangan antarabangsa Islam. Kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri kita, YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohammad berperanan penting dalam perencanaan dan pembangunan komprehensif perbankan Islam dan sektor perkhidmatan kewangan Islam di negara kita. Kita ingin merakamkan rasa terutang budi kerana visi beliau yang telah meletakkan Malaysia sebagai negara pertama di dunia yang mempunyai sistem kewangan Islam Moden yang meliputi sektor perbankan, insuran, pasaran saham, pengurusan dana dan pasaran kewangan antarabangsa.

6. Pertumbuhan negara yang pesat sebanyak 8 peratus di antara 1988 - 1997 membuka peluang dan cabaran- cabaran baru kepada perbankan Islam di negara kita. Dalam tempoh ini Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan Skim Perbankan Islam yang membolehkan perbankan konvensional menyediakan produk dan perkhidmatan perbankan Islam. Pengenalan Skim Perbankan Islam ini merupakan langkah ke hadapan di dalam pembangunan perbankan Islam sebagai satu sistem alternatif kepada perbankan konvensional.

7. JATAH pasaran perbankan Islam sebagai peratusan kepada sistem perbankan keseluruhannya di negara kita masih rendah. Bank Negara Malaysia telah meletakkan sasaran 5 peratus pertumbuhan dari segi deposit dan pembiayaan perbankan Islam untuk dicapai oleh institusi perbankan pada tahun 2000. Kemungkinan besar sasaran ini dapat dicapai pada tahun ini juga. Kerajaan terus komited kepada dasar meningkatkan sistem perbankan Islam dengan harapan tinggi bagi mencapai JATAH pasaran yang baik berbanding sistem perbankan keseluruhannya di negara kita. Adalah lebih bermakna jika sistem perbankan Islam dapat mencapai sasaran 20 peratus pada tahun 2010 dan 40 peratus pada tahun 2020 berbanding sistem perbankan keseluruhannya. Dasar kerajaan membenarkan perkhidmatan perbankan Islam berjalan seiring dengan perbankan konvensional telah banyak menyumbang kepada perkembangan sistem perbankan Islam di Malaysia. Setakat bulan Jun tahun 2000, jumlah bank yang menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan Islam telah meningkat kepada 54 peserta yang mengandungi 2 bank beroperasi secara Islam sepenuhnya, 24 bank komersil, 18 syarikat kewangan dan 5 bank saudagar dan rumah diskaun. Untuk tempoh 1990-1999, deposit secara Islam meningkat pada kadar 33 peratus berbanding deposit-deposit lain sebanyak 16 peratus. Dalam jangkamasa yang sama pembiayaan secara Islam meningkat pada kadar 31 peratus berbanding pinjaman secara konvensional sebanyak 17 peratus. Jumlah deposit secara Islam dalam tahun 1990-1999 berada di paras sekitar RM 18.8 billion berbanding jumlah pembiayaan yang hanya sekitar RM 8.0 billion. Ketidak-seimbangan dalam akaun kunci kira-kira ini dengan aset pembiayaan hanya separuh daripada jumlah penuh deposit ini merupakan salah satu isu besar yang dihadapi dalam aktiviti pembiayaan secara Islam. Kerajaan berharap dalam suasana yang kompetitif ini, perbankan Islam akan digalakkan lagi untuk mencipta kreativiti, inovasi, efisyensi, produktiviti dan peningkatan kualiti perkhidmatan dalam penyediaan pembiayaan kepada pelanggan-pelanggan mereka. Bertolak dari suasana perbankan yang kompetitif inilah, Bank Muamalat ditubuhkan sebagai bank kedua yang memberikan perkhidmatan perbankan yang sepenuhnya secara Islam di negara kita.

8. Bank Muamalat Malaysia Berhad memulakan operasinya pada 1 Oktober 1999 dengan dana pemegang saham sejumlah RM 300 juta dan aset sejumlah RM 2.8 billion. Pada 9 bulan pertama beroperasi, jumlah deposit telah meningkat daripada

RM 2.5 billion kepada RM 1.3 billion atau 27 peratus peningkatan secara tahunan. Jumlah aset bank meningkat kepada RM 3.6 billion iaitu peningkatan 38 peratus secara tahunan. Portfolio pembiayaan meningkat dari RM 288 juta sewaktu penggabungan kepada RM 1.3 billion atau sekitar 63 peratus secara tahunan peningkatan yang lebih tinggi berbanding purata industri perbankan iaitu sebanyak 6 peratus. Pada sembilan bulan pertama operasinya juga bank telah mencatat keuntungan bersih terkumpul sebanyak RM 10.5 juta. Prestasi bank untuk jangkamasa 9 bulan ini adalah sangat memberangsangkan yang menunjukkan Bank Muamalat Malaysia Berhad berdaya maju dan kompetitif dan mempunyai prospek untuk perkembangan seterusnya di masa hadapan.

9. Salah satu isu penting di dalam perbankan Islam ialah mengenai bentuk pembiayaan yang ditawarkan kepada pelanggan-pelanggan. Sistem perbankan Islam mempunyai pelbagai jenis kemudahan pembiayaan yang setanding dengan perbankan konvensional. Walau bagaimanapun, ada kecenderungan perbankan Islam seluruh dunia untuk hanya menyediakan pembiayaan jangka pendek dan mengelak daripada menyediakan pembiayaan jangka panjang disebabkan oleh risiko yang dihadapi. Adalah dianggarkan sekitar 80 peratus perniagaan secara Islam di dunia dibiayai oleh kemudahan jangka pendek Murabahah (kos campur pembiayaan). Keadaan ini menyebabkan ada kritikan yang menganggap perbankan Islam tidak berhasil untuk menggalakkan perniagaan Islam secara jangka panjang. Intipati sistem perbankan Islam ialah wang harus digunakan untuk tujuan produktif dan bertolak dari ini adalah tepat pelaburan dalam bentuk Al-musyarakah (perkongsian keuntungan) diberikan keutamaan. Perbankan Islam menggalakkan pelaburan yang bersifat penyertaan (equity) berasaskan kepada perkongsian untung dan rugi. Saya anggap cabaran sebenar dalam perbankan Islam ialah untuk membawa perubahan fundamental dan bank harus memainkan peranan sebagai rakan kongsi niaga dan bukannya sebagai pemiutang atau penyedia pembiayaan.

10. Tranformasi pemikiran ke arah sistem berasaskan penyertaan (equity based) perlu dikaji dengan lebih mendalam dari segi daya maju dan keuntungan projek-projek yang berkaitan. Bentuk pembiayaan secara musyarakah di mana bank dan rakan kongsi menggabungkan modal, tenaga kerja dan keusahawanan untuk kebaikan sebuah syarikat perlu dikaji dengan lebih mendalam sebagai satu pendekatan inovatif terhadap perkembangan perniagaan secara Islam dalam abad baru ini.

11. Perbankan Islam adalah sesuai (relevant) kepada kemajuan keusahawanan dalam masyarakat kita. Kerajaan bertekad untuk melihat keusahawanan ini berjaya dilaksanakan seiring dengan wawasan menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian yang maju menjelang tahun 2020. Islam menggalakkan kita untuk menceburi bidang perniagaan kerana 9 daripada 10 punca rezeki atau kekayaan datang dari transaksi perniagaan. Allah s.w.t berfirman di dalam al-Quran yang membawa maksud Tuhan tidak merubah nasib sesuatu kaum itu sehingga mereka merubah apa yang ada di dalam diri mereka. Keadaan ekonomi yang lebih baik kini akan membuka peluang kepada perbankan Islam untuk menceburi bidang pembiayaan musyarakah bagi industri kecil dan sederhana seiring dengan dasar perindustrian kerajaan.

12. Satu lagi cabaran penting yang dihadapi oleh perbankan Islam ialah tidak terdapatnya kayu pengukur yang sesuai bagi menentukan harga untuk produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Buat masa ini perbankan Islam bergantung kepada kadar pinjaman asas perbankan konvensional sebagai rujukan apabila menentukan

penawaran harga produk-produknya. Adalah penting bagi perbankan Islam untuk tidak bergantung secara berlebihan kepada petunjuk pasaran konvensional sebagai rujukan kerana kaedah ini tidak mencerminkan mekanisme penentuan harga berasaskan kepada prinsip-prinsip Islam. Saya difahamkan Bank Negara Malaysia kini sedang di dalam proses menyediakan kayu pengukur, harga rujukan yang sesuai untuk industri perbankan Islam.

13. Bank-bank Islam haruslah bersedia menghadapi cabaran-cabaran era globalisasi pasaran kewangan sekarang. Mereka harus mempunyai kemampuan untuk menakrif semula tuju arah strategik mereka untuk terus berdaya saing. Dengan penggabungan bank-bank domestik yang sedang dilaksanakan sekarang, aset asas perbankan Islam akan pasti berkembang dari segi jumlah. Aset perbankan Islam di dalam sesetengah bank yang akan bergabung ini mungkin akan lebih besar berbanding dengan jumlah aset Bank Islam dan Bank Muamalat Malaysia Berhad yang disatukan. Oleh yang demikian adalah penting bagi bank-bank Islam ini untuk menyemak semula kedudukan mereka, samada mereka ingin terus kecil dengan memberi fokus kepada tumpuan pasaran tertentu atau berkembang dengan lebih besar.

14. Bagi lebih berdaya saing dalam arus perdana sistem perbankan di Malaysia. Bagi menentukan perkembangan dan pengejalan kedudukannya dalam suasana yang kompetitif ini, bank-bank Islam harus meningkatkan ketrampilan kakitangannya, memperkenalkan produk yang inovatif dan memperbaiki saluran penyampaiannya. Inilah merupakan cabaran yang paling getir dalam berhadapan dengan globalisasi dan liberalisasi pasaran kewangan di tahun-tahun yang akan datang.

15. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini merasmikan Bank Muamalat Malaysia Berhad.

Terima kasih.